

Jimat yang hilang



DUNIA
BAHARU 2022

DR BUDIMAN MOHD ZOHDİ

*Dari sebuah desa,
Berebel gitar tua,
Datang ke ibu kota,
Dengan penuh harapan,
Menjadi seorang biduan...*

Demikian lirik lagu *Kisah Seorang Biduan* nyanyian Allahyarham Dahlan Zainuddin, salah sebuah lagu yang cukup popular pada penghujung tahun 1970-an dan awal 1980-an.

Lagu itu adalah cerminan kepada kehidupan pada era tersebut, di mana penghijrahan ke bandar-bandar utama di negara ini, khususnya Kuala Lumpur menjadi satu fenomena.

Pada waktu itu menjadi orang Kuala Lumpur adalah impian ramai terutama anak-anak muda di luar bandar. Masing-masing percaya Kuala Lumpur kota seribu azimat, medan menimba pengalaman dan tapak mengubah kehidupan mereka. Hampir apa sahaja cita-cita yang hendak dikejar, Kuala Lumpur lah yang menjadi pentas lonjakannya.

Lagipun menjadi orang Kuala Lumpur ada kelebihannya. Sese kali balik kampung

orang pandang tinggi. Besar perbezaan tanggapan orang kampung terhadap orang yang bekerja di Sungai Besar berbanding yang bekerja di Kuala Lumpur, walaupun kedua-duanya sama-sama kerani. Malah, kalau gred gaji di Sungai Besar itu lebih tinggi pun, pandangan orang terhadapnya tetap macam orang Sungai Besar bukannya orang Kuala Lumpur.

Penghijrahan ke kota-kota seperti Kuala Lumpur adalah kesinambungan terhadap kecenderungan manusia sejak zaman berzaman. Sejak zaman antah berantah lagi manusia memang suka mengembara, merantau, berhijrah dan apa juga seumpamanya. Tidak semua didorong keinginan mengejar cita-cita atau mahu mengubah kehidupan. Ramai juga yang melakukannya kerana ingin meluaskan pandangan, menambah pengetahuan dan melebarkan pengalaman.

Kerana adanya praktik itulah dunia mengenal Ibn Batuta, Marco Polo, Ferdinand Magellan, John Cabot Columbus dan Francis Drake. Kerananya kita mengenal benua, pulau dan laut-laut baharu. Kerananya jugalah peta dunia berubah daripada sekadar contengan kepada lakaran sempurna dan lengkap. Dan kerananya kita berpeluang mendengar pantun 'Kajang Pak Malau kajang berlipat...'

Pada masa dahulu, mengembara, merantau dan berhijrah merupakan satu-satunya cara mengenal tempat orang. Jika tidak, kita terpaksa bergantung cerita orang. Kalau ada orang beritahu buah duri

an di Gurun Sahara sama besar dengan tempayan sekalipun, kita mungkin percaya. Tiada cara mudah untuk menyemak kesahihannya. Kalau nak pastikan dakwaan itu betul atau tidak, kita terpaksa pergi sendiri. Ia bukanlah kerja mudah.

Untuk mencari rezeki di tempat orang lagilah susah. Mana mungkin anda tinggal di Beranang tetapi mengharapkan rezeki dari Ohio atau Moscow. Suka atau tidak anda terpaksa pergi ke sana. Atau setidaknya menghantar pekerja-pekerja anda. Tidak ada cara yang lebih mudah daripada itu.

Sekarang tidak lagi begitu. Saya mempunyai kawan yang mencari rezeki di New York dan London dengan melakukan kerja-kerja penyuntingan grafik dari rumahnya di Bukit Rahman Putra. Seumur hidupnya tidak pernah menjejakkan kaki ke kedua-dua bandar raya tersohor itu. Bukan itu sahaja, dia juga mempunyai kekasih di Republik Dagestan dan buah hati di Rumania, sedangkan katanya, "tempat paling jauh saya pernah pergi hanyalah Pasir Mas."

Seorang kawan lain mengaku telah menjelajah ke seluruh dunia tanpa menjejakkan kakinya ke mana-mana lapangan terbang. Katanya, sejak beberapa tahun lalu, dia memperuntukkan masanya beberapa jam seminggu mengembara bandar, pekan dan kampung 'berkenderaan' komputer riba.

Berbual dengannya boleh menyebabkan anda terpesona kerana dia boleh ber-

cerita agak terperinci tentang kampung-kampung di Albania, lorong-lorong di Milan, petani-petani di Rajasthan atau rumah terapung di Tonle Sap.

Demikian mudahnya kehidupan kita sekarang. Rezeki, ilmu pengetahuan dan serba-serbi yang lain – termasuk barang-barang dari Shopee, Lazada, Amazon dan Alibaba – boleh didapati tanpa perlu bergerak jauh. Hendak berhubung dengan saudara-mara dan rakan-rakan pun sangat-sangat mudah. Kemudahan itu secara langsung menjimatkan banyak masa, tenaga dan wang ringgit.

Persoalannya, apa jadi dengan semua yang diijamatkan itu? Adakah lebih masa itu membolehkan kita 'berlama-lama' dengan anak isteri? Ke mana tenaga yang diijamatkan itu kita salurkan? Bagaimana pula dengan wang ringgit? Atau apakah semuanya – masa, tenaga dan wang ringgit – tetap tidak cukup kerana kita terus disogok dengan segala sesuatu yang baharu secara berterusan?

Sama macam berbelanja di portal e-daganglah juga, kupon itu, kupon ini, jimat itu jimat ini, tapi kerana asyik ditayang item-item baharu yang mempersonakan, akhirnya kena keluarkan duit juga.

Itu belum termasuk terpaksa keluarkan masa dan tenaga menanti van atau motor penghantar barang...#dush!

** Datuk Dr Budiman Mohd Zohdi pernah berkhidmat sebagai seorang Setiausaha Politik dan juga bekas wakil rakyat.*

PRU: Menang pun jadi arang



MAAF
CAKAP

NORDEN MOHAMED

Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15) disertai parti-parti politik pelbagai gabungan. Barisan Nasional (BN) dianggotai UMNO, MIC, MCA dan PBRs serta lapan parti yang bergabung. Perikatan Nasional (PN) pula dianggotai Bersatu, Pas, Gerakan dan dua parti dari Sabah iaitu SAPP dan STAR.

Pakatan Harapan (PH) terdiri daripada PKR, DAP, Amanah, Muda dan UPKO dari Sabah. Rakan strategik PH pula ialah Parti Sosialis Malaysia. Sementara itu, grup terbaharu, Gabungan Tanah Air (GTA) pula dianggotai Pejuang, Berjasa, Iman dan juga Putra.

PN dan GTA adalah pemain baharu dalam PRU kali ini. Ia komponen parti-parti serpihan yang dianggotai pemain-pemain lama. Tetapi, terdapat personaliti yang menganggotai parti itu adalah mereka yang berpindah parti.

Empat buah parti gabungan dengan

pemimpin-pemimpin yang berpindah bersilang-seli parti, cukup memeningkan. Dahulu, tokoh yang memusuhi parti lawan, kini menganggotai parti dimusuhi itu. Ditambah pula dengan calon-calon yang tidak segan membiarkan keahliannya gugur kerana bertanding di bawah parti lain.

Ramuan pelbagai ini cukup menarik andainya kita melihatnya dari sudut dinamika demokrasi. Setelah 14 PRU dan 65 tahun merdeka, demokrasi kita membuktikan Malaysia Boleh! Malah, terlebih boleh.

Cuma dari minda generasi pertama Malaysia, mereka yang lahir tahun 1957 hingga 1987 iaitu 30 tahun untuk satu generasi, ia cukup cacamarba.

Generasi pertama yang lazimnya mengundi berdasarkan parti dan bukannya calon mula bingung kerana parti-parti yang mereka sokong mempunyai masalah dalaman yang menjejaskan kepercayaan mereka. Parti-parti yang tidak mereka sokong pula ada dianggotai pemimpin-pemimpin asal parti mereka.

Oleh kerana begitu ramai yang berpindah parti, pengundi turut terbuka fikiran untuk melihat parti yang mereka musuhi dahulu sebagai sebuah parti yang 'okey.' Pemikiran mereka sudah larut. Ini melonggarkan kesetiaan. Kalau para pe-

mimpin parti mereka selama ini boleh bertikam lidah secara terbuka boleh beralih arah, mereka juga tidak akan berasa bersalah jika tidak menyokong parti mereka, malah mula berani beralih selera.

Generasi kedua yang lahir tahun 1987 hingga 2017 kenal dengan tiga Perdana Menteri. Mereka ingat pada Tun Dr Mahathir Mohamad, Tun Abdullah Ahmad Badawi dan Datuk Seri Najib Tun Razak. Namun, ketiga-tiga mereka ini semakin tenggelam dari radar politik.

Dr Mahathir versi 1.0, versi 2.0 bila menjadi Perdana Menteri sekali lagi dan terkini versi 3.0 kelihatan semakin lemau. Abdullah pula sudah lama dipinggirkan dari pentas utama kepimpinan negara. Najib yang memperoleh sokongan generasi kedua dengan frasa popular 'Bossku' sudah tiada di depan mata mereka. Imej-imej pemimpin besar kini tiada di kotak memori mereka.

Jadi, siapakah yang menjadi pilihan generasi kedua? Ada yang kata PRU13 adalah PRU Facebook, PRU14 adalah PRU Whatsapp dan PRU15 pula adalah PRU TikTok. Maknanya TikTok mudah menawan hati generasi kedua termasuk lebih 1.2 juta pengundi buat kali pertama.

Pada 19 November ini, PRU15 berlangsung. Pada dasarnya negara kita ma-

sih stabil kerana kesemua PRU berjalan menurut jadual. Sejak PRU pertama sehingga ke-11, parti Perikatan yang kemudiannya menjadi BN telah menguasai Parlimen. Namun, neraca timbangan dacing BN mula menyengat pada PRU12 (2008). Pada PRU itu, BN memperoleh 140 kerusi berbanding Pakatan Rakyat (PR) dengan 82 kerusi. Pada PRU13 jumlah kerusi BN merosot lagi iaitu 133 kerusi berbanding 89 kerusi bagi pembangkang.

Pada PRU lalu, BN hanya mendapat 79 kerusi berbanding PH dengan 104 kerusi. Rakyat Malaysia semakin matang. Mereka ambil masa yang lama untuk mengubah selera.

Namun, jika tidak kerana Langkah Sheraton yang sentiasa membarakan api politik, pola pengundian akan terus condong pada PH. Tetapi dengan adanya empat gabungan parti komponen, calon-calon yang berpindah parti, mana-mana parti boleh menguasai. Para penganalisis politik kian sukar membuat ramalan kumpulan mana yang bakal jadi juara.

Yang menang jadi arang, yang kalah jadi abu. Dan, situasi *hung parliament* selepas PRU kian jelas terbayang.

** Norden Mohamed ialah mantan Ketua Pengarang Sinar Harian*